

# Pengorbanan pasukan barisan hadapan amat dihargai - PM

UM - 9/12/2020 mtd: 3

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, para petugas kesihatan menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran setiap hari bagi memastikan setiap seorang rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan terbaik walaupun sehingga berkorban nyawa.

Malah Perdana Menteri amat sedih dengan berita kemalangan maut yang mengorbankan dua petugas barisan hadapan iaitu pemandu dan jururawat dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Pekan, Pahang, kelmarin.

“Saya dimaklumkan kejadian itu berlaku ketika mereka



**Inilah pengorbanan para petugas kesihatan dan petugas barisan hadapan yang lain kepada bangsa dan negara. Saya serta pihak kerajaan amat menghargainya”**

**MUHYIDDIN YASSIN**

dalam perjalanan untuk melakukan pemeriksaan kesihatan berkala di perkampungan

Orang Asli.

“Inilah pengorbanan para petugas kesihatan dan petugas barisan hadapan yang lain kepada bangsa dan negara. Saya serta pihak kerajaan amat menghargainya,” katanya dalam Facebook beliau semalam.

Muhyiddin pada masa sama mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Mohd. Zuhairi Abdullah dan Allahyarham Julayha Kudus.

Muhyiddin turut berdoa agar pegawai perubatan, Dr. Muhd Ikhwani Ramlee yang cedera dalam kemalangan itu dan kini dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan diberikan kekuatan dan kesembuhan.

“Saya bagi pihak kerajaan ingin mengucapkan takziah

kepada keluarga Allahyarham dan berharap mereka tabah menghadapi ujian ini.

“Saya doakan semoga roh kedua-duanya dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman dan beramal soleh. Al-Fatihah,” katanya.

Dalam kejadian kira-kira pukul 10.20 pagi kelmarin, kenderaan pacuan empat roda milik PKD Pekan itu dirempuh sebuah lori tangki yang terbabas memasuki laluan bertentangan.

Nahas tiga kenderaan itu berlaku di Kilometer 32, Jalan Pekan-Nenasi-Rompin dekat Kampung Tanjung Batu, Pekan.

Lori berkenaan turut merempuh sebuah kereta Perodua Myvi.